

162

NO SOALAN : 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

RUJUKAN : 10395

SOALAN :

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk
penambahbaikan gaji para anggota Penjara dikaji semula di atas
tanggungjawab yang berat dipikul oleh mereka.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Beberapa kajian semula terhadap skim perkhidmatan yang juga meliputi aspek gaji dan elaun telah dilakukan dan telahpun diluluskan oleh Kerajaan. Ini termasuklah kelulusan pada tahun 2013 iaitu kenaikan pangkat secara '*Time Based Berasaskan Kecemerlangan*' (TBBK) dari gred KA 17 hingga gred KA 22 yang sehingga kini telah dinikmati oleh seramai 7,917 daripada jumlah keseluruhan 14,170 pegawai dan anggota penjara.

Selain itu, Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi (JKKT) Bilangan 1 Tahun 2015 juga telah bersetuju untuk mewujudkan 11 Pejabat Penjara Negeri dan 17 jawatan baru bagi Pengarah dan Timbalan Pengarah Penjara Negeri serta menaiktaraf dua jawatan Timbalan Pengarah Negeri.